

05 JUL 1999

Abdullah-Kyrgyz

KYRGYZSTAN LAKSANA REFORMASI EKONOMI HASIL LAPORAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 5 Julai (Bernama) -- Kerajaan republik Kyrgyz telah mengambil langkah melaksanakan reformasi dalam beberapa sektor ekonominya berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, reformasi itu sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat,

Katanya, laporan Dr Mahathir itu telah diserahkan dua tahun lepas kepada Presiden republik itu semasa lawatan beliau ke sana.

"Laporan itu menepati keperluan sektor-sektor ekonomi di sana. Pelaksanaannya terserah kepada mereka...lagipun mereka turut menghadapi masalah ekonomi seperti kita," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan rakan sejawatannya dari Republik Kyrgyz, Esengul Omuraliev, di pejabatnya di sini.

Laporan itu disediakan hasil lawatan rombongan Unit Perancang Ekonomi (EPU) yang membuat kajian dan penelitian aspek-aspek pembangunan di negara berkenaan.

Abdullah berkata Omuraliev datang ke sini atas kapasitinya sebagai Menteri Perdagangan Luar dan Industri republik itu dan turut bertemu dengan rakan sejawatnya dari Malaysia, Datuk Seri Rafidah Aziz.

Republik itu mendapat kemerdekaan selepas kejatuhan Soviet Union pada 1991.

Omuraliev turut meminta kerjasama Malaysia dari segi ekonomi dan berharap pelaburan negara ini di sana dapat dipertingkatkan, kata Abdullah.

"Beliau juga gembira kerana telah ada persetujuan mengelak pembayaran cukai dua kali antara kedua-dua negara," kata beliau.

Pada pertemuan itu juga, Abdullah berkata Omuraliev meminta sokongan beliau untuk meminta Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan penerbangan terus ke ibu negara republik itu, Bishkek.

"Kerajaan Kyrgyz telah membuat keputusan menjadikan Bishkek sebagai pusat transit penerbangan dari Eropah ke Asia timur. Mereka anggap ini peluang baik kepada MAS...penumpang MAS boleh singgah di sana atau pergi terus ke Eropah," kata beliau.

-- BERNAMA

AR NMO